

Telephone: Brunei Students Unit
(020 7402 0045)
Brunei Hall
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



اوپنٹ فونٹ ووتز بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 – 43 Norfolk Square
London W2 1RX

**SURAT PEMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT
BILANGAN 07/2017**

**Kepada: Semua pelajar-pelajar dibawah
Basiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**PERMOHONAN UNTUK MENINGGI TAHAP PENGAJIAN SESI 2017/ 2018
BAGI PELAJAR-PELAJAR TAHUN AKHIR DIBAWAH BIASISWA
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Dengan hormat Surat Tawaran Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bilangan: JPI/PK4(C)UB/06/2013 bertarikh: 02 Jamadilawal 1438 bersamaan 30 Januari 2017 (diterima UPP pada 21 Februari 2017) sukacita dirujuk.

2. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa **tawaran adalah dibukakan kepada pelajar-pelajar Tahun Akhir dibawah Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama** yang sedang mengikuti pengajian di seluruh United Kingdom dan Ireland yang berhasrat untuk **meninggi tahap pengajian** masing-masing ke peringkat Ijazah Sarjana Lanjutan (Masters dan PhD) serta ikhtisas sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di luar negeri bagi **sesi akademik 2017/ 2018**.

3. Untuk makluman pelajar-pelajar, borang permohonan (**Borang A**) bagi permohonan **Ijazah Masters / PhD** hendaklah di hadapkan secara **'hard copy (scanned)'** dan **'soft copy (Ms Word)'** berserta dokumen-dokumen yang diperlukan kepada **Unit Penuntut-Penuntut** melalui emel kepada academic@upp.org.uk selewat-lewatnya pada **16 Mac 2017**.

4. Penuntut-penuntut adalah ditekankan untuk **meneliti syarat-syarat permohonan** terlebih dahulu dan memastikan **borang yang dihantar adalah lengkap dengan salinan dokumen berkaitan** disertakan bersama.

5. **Unit Penuntut-Penuntut tidak akan bertanggungjawab sekiranya borang-borang yang kurang lengkap tidak diterima** atau disahkan oleh Jabatan Pengajian Islam.

6. Syarat-syarat dan borang *hardcopy* serta *softcopy* disertakan bersama pemakluman ini (link).

Sekian yang dapat disampaikan untuk makluman dan tindakan mengenainya

"Generasi Berwawasan, Peneraju Kepada Kemajuan Negara"

Wassalam



Ahmad Faisal bin Haji Zainal Abidin
Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5 Part XIV

Tarikh: 30 Jamadilawal 1438H / 27 Februari 2017